# SOALAN LAZIM

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

## TUKAR HAK MILIK (THM)

10

Bagaimana sekiranya Pemunya Berdaftar telah membuat pengesahan biometrik bagi tujuan tukar hak milik kenderaan?

“Sekiranya tempoh tukar hak milik daripada pemunya berdaftar kepada pemunya baharu telah melebihi tempoh tujuh (7) hari, Petugas Kaunter perlu membatalkan transaksi tukar hak tersebut dan pemunya berdaftar perlu membuat pengesahan biometrik semula selepas pelaksanaan PKP”

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19

**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

## 11

### TUKAR HAK MILIK (THM)

Adakah pemunya berdaftar perlu hadir ketika sesi pembatalan transaki tukar hak milik yang telah melebihi tempoh tujuh (7) hari?

"**Ya**, wajib hadir selepas pelaksanaan PKP"

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19

**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

## TUKAR HAK MILIK (THM)

12

Bagi tukar hak milik melibatkan Kerajaan/ Pertubuhan/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Syarikat/ Perniagaan Milikan Tunggal atau Perkongsian/ Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu/ Kedutaan/ Pesuruhjaya Tinggi/ Konsulat, adakah wakil pemunya berdaftar yang sama perlu membatalkan transaksi tukar hak milik yang melebihi tempoh tujuh (7) hari tersebut?

"**Ya**. Berdasarkan surat wakil"

JPJ Malaysia

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

**COVID-19**



**KEMUSYIKILAN** | **JAWAPAN**

## 13

**TUKAR HAK MILIK (THM)**

Adakah pembatalan transaksi tukar hak milik (pemunya berdaftar) yang telah melebihi tempoh tujuh (7) hari dilakukan di kaunter JPJ Negeri/ Cawangan yang sama?

“ **Tidak** ”

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

## TUKAR HAK MILIK (THM)

14

Adakah urusniaga tukar hak milik boleh dibuat secara atas talian?

"Boleh bagi yang telah berdaftar dengan Portal Awam JPJ dan telah menjalankan pemeriksaan B5 PUSPAKOM (selain motosikal) sebelum pelaksanaan PKP"

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

COVID-19

KEMUSYKILAN | JAWAPAN

15

## TUKAR HAK MILIK (THM)

Adakah urusniaga tukar hak milik melibatkan kenderaan perdagangan boleh dibuat secara atas talian?

"**Tidak.** Hanya kenderaan persendirian individu dan syarikat sahaja"

JPJ Malaysia

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

16

## TUKAR HAK MILIK (THM)

Bagaimana sekiranya tempoh laporan pemeriksaan B5/ PG11A/ PG13B PUSPAKOM tamat tempoh sah laku sebelum/ pada 31.3.2020 (sepanjang arahan PKP berkuatkuasa)?

“Pemohon boleh hadir ke mana-mana kaunter JPJ dan JPJ akan mengemaskini tarikh sah laku selepas pelaksanaan PKP. Hanya Laporan B5 PUSPAKOM yang telah dikemaskini boleh digunakan untuk urusniaga tukar hak milik”

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



| KEMUSYKILAN | JAWAPAN |
| --- | --- |
| **PENDAFTARAN** 17 | |
| Adakah urusniaga pendaftaran baru boleh dilakukan secara atas talian di rakan niaga? | "Tidak kerana semua premis pengeluar/ pengilang/ pengedar & pengimport ditutup sepanjang pelaksaan PKP" |

JPJ Malaysia

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

18

## PENDAFTARAN

Bagaimana senario jika Laporan Pemeriksaan Puspakom B2 untuk urusniaga pemindahan nombor pendaftaran telah tamat tempoh semasa pelaksanaan PKP ?

"Pemilik berdaftar/ wakil syarikat boleh hadir ke pejabat JPJ Negeri/ Cawangan yang berhampiran sejurus tempoh PKP tamat dengan menggunakan Laporan PUSPAKOM yang sama. Pihak JPJ akan mengemaskini tarikh sah laku mengikut tarikh permohonan untuk meneruskan urusniaga pemindahan nombor pendaftaran"

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

## PENDAFTARAN

19

Bagaimana jika Laporan Pemeriksaan Puspakom B2 bagi pengesahan identiti & daftar baru kenderaan import terpakai telah tamat tempoh semasa pelaksanaan PKP ?

"Pemilik/ wakil boleh hadir ke JPJ Negeri/ Cawangan berhampiran utk mengemaskini dokumen laporan B2 sejurus tempoh PKP tamat dengan menggunakan Laporan PUSPAKOM yang sama. Pihak JPJ akan mengemaskini tarikh sah laku mengikut tarikh permohonan untuk meneruskan proses"

JPJ Malaysia

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



| KEMUSYKILAN | JAWAPAN |
| --- | --- |

## PENDAFTARAN

**20**

Bagaimanakah sekiranya tempoh Laporan Pemeriksaan PG11A/ PG13B PUSPAKOM telah tamat sah laku dalam tempoh PKP bagi tujuan pendaftaran kenderaan perdagangan?

“Pemilik/ wakil boleh hadir ke mana-mana Kaunter JPJ dengan menggunakan Laporan PUSPAKOM yang sama. Pihak JPJ akan mengemaskini tarikh sah laku mengikut tarikh permohonan untuk meneruskan proses pendaftaran sejurus tempoh PKP tamat”

JPJ Malaysia

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

21

## PENDAFTARAN

Bagaimanakah jika kenderaan perdagangan yang telah mengisytiharkan sebagai kenderaan perdagangan tidak beroperasi (Lay Up) dan tempoh tersebut telah tamat sah laku dalam tempoh PKP?

- Pemohon boleh terus hadir membuat Pemeriksaan PUSPAKOM tanpa mendapatkan tarikh baru Lay Up dan dikecualikan daripada pembayaran saman atas faktor gagal menghadiri pemeriksaan PUSPAKOM seperti tarikh yang ditetapkan.

- Manakala sekiranya pemohon membuat permohonan perlanjutan Lay Up yang telah tamat sahlaku dalam tempoh PKP, pemohon dibenarkan untuk membuat perlanjutan tanpa dikenakan tindakan saman.

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



| KEMUSYKILAN | JAWAPAN |
|---|---|
| **PENDAFTARAN** 22 — Bagaimana sekiranya laporan PUSPAKOM B2 telah tamat dalam tempoh PKP bagi urusniaga tukar kegunaan dari kenderaan e-hailing kepada kenderaan persendirian? | "Pemilik/ wakil boleh hadir ke mana-mana Kaunter JPJ dengan menggunakan Laporan PUSPAKOM yang sama. Pihak JPJ akan mengemaskini tarikh sah laku mengikut tarikh permohonan untuk meneruskan proses tukar kegunaan sejurus tempoh PKP tamat" |

JPJ Malaysia

# SOALAN LAZIM

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

**COVID-19**



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

23

## NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN

Bagaimana jika tarikh pembayaran nombor tempahan telah tamat tempoh semasa pelaksanaan PKP?

“JPJ Negeri akan menawar semula nombor tempahan tersebut mengikut harga sebelumnya (tanpa caj tambahan) setelah permohonan pelanjutan dikemukakan oleh pemohon selepas PKP tamat”

**JPJ Malaysia**

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

## 24

## LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM)

Bagaimana orang awam boleh melakukan urusniaga pembaharuan LKM atau cukai jalan memandangkan kaunter JPJ dan Pos Malaysia ditutup semasa tempoh PKP?

"Orang awam masih boleh melakukan urusniaga pembaharuan LKM secara atas talian (online) melalui perkhidmatan Portal JPJ atau Portal MyEG sepertimana yang telah disediakan"

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

25

## LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM)

Sekiranya urusniaga pembaharuan LKM telah dibuat secara online, bagaimana orang awam boleh mendapatkan disk LKM yang telah diperbaharui?

"- Bagi urusniaga pembaharuan LKM yang telah dibuat melalui portal JPJ, orang awam boleh hadir ke kaunter-kaunter JPJ yang berdekatan selepas tempoh PKP tamat untuk membuat cetakan dan penerimaan disk LKM. Orang awam perlu membawa sekali resit bayaran semasa urusniaga cetakan LKM.

- Bagi urusniaga pembaharuan LKM melalui portal MyEG, penghantaran disk LKM akan dibuat oleh ejen/ kakitangan MyEG selepas tempoh PKP tamat. Langkah ini adalah bertujuan untuk mengurangan risiko kontak sebagai langkah untuk menangani jangkitan Covid-19 selaras dengan arahan Kerajaan."

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

26

## LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM)

Adakah urusniaga pembaharuan LKM bagi kenderaan perdagangan boleh dibuat secara atas talian?

“**Tidak boleh**. Urusniaga pembaharuan LKM secara atas talian hanya melibatkan kenderaan persendirian individu dan syarikat sahaja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memberikan pengecualian keperluan LKM semasa tempoh PKP ini bagi membolehkan kenderaan perdagangan (barangan dan perkhidmatan awam) beroperasi di atas jalan raya walaupun LKM kenderaan telah tamat tempoh”

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

**27**

## LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM)

Apakah pengecualian ini termasuk pengecualian mempunyai perlindungan polisi insurans?

Pengecualian ini tidak termasuk keperluan mempunyai perlindungan insurans. Pemilik kenderaan mahupun pemandu perlu memastikan sesebuah kenderaan mempunyai polisi insurans yang valid (sah) semasa kenderaan tersebut beroperasi/ digunakan di jalan raya semasa tempoh PKP ini.

“ Adalah menjadi tanggungjawab pemilik kenderaan dan pemandu untuk memastikan salinan sijil perlindungan atau e-cover note insurans di bawa bersama ketika memandu kenderaan semasa tempoh PKP ”

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

28

## LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM)

Adakah pengecualian keperluan LKM ini melibatkan kenderaan persendirian?

"**Ya.** Pengecualian ini melibatkan semua jenis kenderaan sama ada persendirian individu, persendirian syarikat, kenderaan perdagangan termasuk kenderaan milikan kerajaan.

Namun perlu diingatkan bahasa pemilik kenderaan perlu memperbaharui LKM dengan segera selepas tempoh PKP berakhir"

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

COVID-19



**KEMUSYKILAN** | **JAWAPAN**

29

## LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM)

Bagaimana pula dengan kenderaan perdagangan dan kenderaan e-hailing di mana sah laku (validity) pemeriksaaan berkala dan sah laku LKM tamat semasa tempoh PKP?

“ Bagi kes-kes seperti ini, pemilik kenderaan atau wakil boleh terus hadir ke pusat pemeriksaan PUSPAKOM sejurus tempoh PKP tamat untuk pemeriksaan berkala. Pihak JPJ akan mengecualikan saman bagi kenderaan-kenderaan perdagangan yang sah laku (validity) pemeriksaaan berkala tamat dalam tempoh PKP berkuatkuasa ”

**JPJ Malaysia**

# SOALAN LAZIM
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

COVID-19



**KEMUSYIKILAN** | **JAWAPAN**

## LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM)

30

Adakah kenderaan yang tamat tempoh LKM melebihi setahun semasa tempoh PKP berkuatkuasa perlu menjalani pemeriksaan PUSPAKOM (selain motosikal) atau pemeriksaan PG10 (bagi motosikal)?

"Bagi LKM yang tamat tempoh melebihi setahun semasa PKP dikuatkuasakan, urusniaga pembaharuan LKM boleh dilakukan selepas tempoh PKP tamat tanpa perlu menjalani pemeriksaan kenderaaan"

JPJ Malaysia